

50 mahasiswa terpilih terima sumbangan Pusat Zakat Sabah

UB 16.5.2019 B2

KOTA KINABALU: Seramai 50 mahasiswa terpilih Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan daripada Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah (Muis).

Sumbangan dalam bentuk wang tunai itu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah RM Jasni pada Majlis Iftar @UMS di masjid institusi berkenaan pada Selasa.


Turut disampaikan Juhar adalah sumbangan berjumlah RM20 ribu daripada badan itu kepada Naib Cancellor UMS Prof Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin.)

Pada majlis itu, Juhar dan Norlidah menyertai kira-kira



JUHAR (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan zakat kepada salah seorang mahasiswa UMS, sambil diperhatikan Shafie (tiga dari kanan).

400 jemaah menunaikan solat fardhu Maghrib dan Isyak, sebelum mengerjakan solat sunat Tarawih. Hadir sama ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri



D KAMARUDDIN (kiri) menerima replika cek sumbangan Muis yang disampaikan oleh Juhar (tiga dari kiri) dan Shafie (dua dari kanan).

Panglima Mohd Shafie Apdal, Matusin dan Pengerusi Adun Karambunai Azhar Muis Datuk Seri Panglima Dr Hasbullah Taha. - PENERANGAN